

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) adakah terdapat sebarang siasatan terhadap punca utama pencemaran jerebu yang melanda Malaysia saban tahun serta apakah tindakan drastik yang telah diambil terhadap individu atau syarikat yang didapati terbabit dengan aktiviti pembakaran terbuka; dan
- (b) apakah bentuk kerjasama serantau yang telah dilaksanakan oleh negara Malaysia dengan negara-negara yang terjejas dengan pencemaran jerebu dalam usaha bagi mengatasi pencemaran jerebu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Berdasarkan pemantauan dan siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), didapati punca utama jerebu di dalam negara adalah berpunca daripada aktiviti pembakaran terbuka untuk pertanian dan kebakaran hutan gambut. Bagi kes pembakaran terbuka, individu-individu dan syarikat-syarikat yang terlibat telah dikenalpasti dan sehingga kini 89 kompaun telah dikeluarkan manakala 23 kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan pembakaran terbuka. Di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, denda sehingga RM500 ribu atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan jika didapati bersalah melakukan pembakaran terbuka. Kompaun RM2000 juga boleh diberikan bagi setiap kesalahan.

(b) Di peringkat ASEAN, Malaysia akan terus memainkan peranan untuk menggesa negara anggota terutamanya Indonesia untuk mematuhi obligasi di bawah *ASEAN Agreement On Transboundary Haze Pollution* bagi mencegah kejadian jerebu rentas sempadan. Selain itu, negara anggota perlu memberikan perhatian serius bagi merealisasikan *Road Map on ASEAN Cooperation towards Trans-boundary Haze Pollution Control with Means of Implementation* yang merupakan kerangka ke arah visi *ASEAN Haze Free Region by 2020*. Dalam pada masa yang sama, Malaysia akan menghadiri Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution* dan *ASEAN Ministerial on Environment* (AMME) akan bagi membincangkan isu-isu pencemaran terutamanya isu jerebu.

Sekian, terima kasih.